BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

No. Ruj.: 10/09/11

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1800 pada hari Jumaat, 30 Oktober 2009

Perkembangan Monetari dan Kewangan September 2009
Kenyataan Utama Siaran Akhbar

- Inflasi bertambah baik pada bulan September, dan terus berada pada kadar yang rendah sebanyak -2.0%, kesan daripada harga komoditi dan makanan yang lebih tinggi pada tahun lepas.

- Pembiayaan kasar oleh sistem perbankan dan pasaran modal meningkat pada bulan September disebabkan terutamanya oleh terbitan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) yang lebih tinggi.

- Nisbah modal wajaran risiko (risk weighted capital ratio, RWCR) dan nisbah modal teras masing-masing terus stabil pada 14.5% dan 12.9%.

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

No. Ruj.: 10/09/11

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1800 pada hari Jumaat, 30 Oktober 2009

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN

September 2009

Pembiayaan kasar oleh sistem perbankan dan pasaran modal meningkat kepada RM61.8 bilion pada bulan September (Ogos: RM54.6 bilion) disebabkan terutamanya oleh terbitan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) yang lebih tinggi. Pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan dan PDS terkumpul berkembang pada kadar tahunan 7.2% pada akhir bulan September (Ogos: 7.1%). Kelulusan dan pengeluaran pinjaman kepada sektor perniagaan bertambah baik, manakala permohonan dan kelulusan pinjaman kepada sektor isi rumah berterusan. Dengan pengeluaran pinjaman yang kukuh, pinjaman terkumpul bagi sektor isi rumah terus berkembang pada kadar tahunan 9.1%.

Kadar antara bank bagi semua tempoh matang secara relatif stabil, manakala kadar deposit tetap purata bagi semua tempoh pemegangan tidak berubah. Kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR) purata juga tidak berubah pada 5.51% pada 15 Oktober, manakala kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) secara relatif terus stabil pada 4.91% pada akhir bulan September (4.90% pada bulan Ogos).

Pada 1 September hingga 29 Oktober 2009, ringgit menambah nilai sebanyak 2.6% berbanding dengan dolar AS. Ringgit juga menambah nilai berbanding dengan paun sterling (1.9%) dan euro (0.1%), tetapi menyusut nilai berbanding

dengan yen Jepun (-1.1%). Ringgit menambah nilai berbanding dengan mata wang serantau, iaitu dengan renminbi China (2.6%), baht Thailand (1.1%) dan peso Filipina (0.4%), tetapi menyusut nilai berbanding rupiah Indonesia (-1.6%), won Korea (-1.1%) dan dolar Singapura (-0.1%).

Inflasi, seperti yang diukur oleh Indeks Harga Pengguna (IHP), bertambah baik dan terus berada pada kadar yang rendah sebanyak -2.0% pada bulan September (Ogos: -2.4%). Harga dalam kategori *pengangkutan* merosot pada kadar yang lebih perlahan sebanyak -16.2% pada bulan September (Ogos: -19.3%). Sebaliknya, inflasi dalam kategori *makanan dan minuman tanpa alkohol* menjadi sederhana pada 1.0% pada bulan September (Ogos: 1.4%). Trend sederhana ini meliputi semua subkomponen makanan. Inflasi yang lebih rendah juga dicatat dalam kategori *minuman alkohol dan tembakau* (September: 0.1%, Ogos: 8.0%).

Wang secara luas atau M3 meningkat pada kadar tahunan 6.8%. Pada asas bulanan, M3 meningkat sebanyak RM2.2 bilion disebabkan terutamanya oleh pembiayaan yang lebih tinggi kepada sektor swasta dan Kerajaan melalui sistem perbankan.


Nisbah modal wajaran risiko (risk weighted capital ratio, RWCR) dan nisbah modal teras masing-masing terus stabil pada 14.5% dan 12.9%, sementara pinjaman tak berbayar terus tidak berubah pada 2.1%.

Kadar faedah stabil pada bulan September


Pada tempoh 1 September – 29 Oktober, purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman bergerak dalam julat yang kecil 1.99% - 2.00%. Kadar antara bank bagi tempoh matang lain juga secara relatif stabil.

Kadar deposit tetap (fixed deposit, FD) purata bank perdagangan tidak berubah antara bulan Ogos hingga September. Pada 15 Oktober, kadar FD disebut purata bagi tempoh pemegangan 1 hingga 12 bulan berada dalam julat 2.00% hingga 2.50%.

Dari segi kadar pinjaman bank perdagangan, kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR) purata tidak berubah pada 5.51% pada 15 Oktober. Kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) juga secara relatif terus stabil pada 4.91% pada akhir bulan September (4.90% pada bulan Ogos dan 4.96% pada bulan Julai).




Kadar antara bank semalaman purata bergerak dalam julat yang kecil




Kadar antara bank lain juga secara relatif stabil

Mudah Tunai Terkumpul di Bank Negara Malaysia
(Akhir tempoh, RM juta)




BNM terus menyerap mudah tunai berlebihan

Kadar Pinjaman:
Bank Perdagangan
(pada akhir tempoh)




BLR dan ALR Bank perdagangan terus stabil

Keadaan Mudah Tunai



Nisbah pinjaman-deposit dan pembiayaan-deposit secara relatif tidak berubah


Struktur Terma Kadar Deposit Tetap Bank Perdagangan



	1 bulan	3 bulan	6 bulan	9 bulan	12 bulan
Ogos 09	2.00	2.03	2.04	2.05	2.50
Sept 09	2.00	2.03	2.04	2.05	2.50
15 Okt 09	2.00	2.03	2.04	2.05	2.50

Kadar deposit tetap purata tidak berubah


Kadar Deposit Tetap Benar 3 Bulan Bank Perdagangan




Kadar deposit tetap benar menurun sedikit

Ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar AS

Pada 1 September hingga 29 Oktober 2009, ringgit menambah nilai sebanyak 2.6% berbanding dengan dolar AS. Ringgit mencapai paras tertingginya pada tahun ini memandangkan prospek permintaan dalam negeri dan penunjuk perdagangan yang terus lebih baik telah menarik minat pelabur terhadap aset di rantau ini. Ringgit juga menambah nilai berbanding dengan paun sterling (1.9%) dan euro (0.1%), tetapi menyusut nilai berbanding dengan yen Jepun (-1.1%). Ringgit menambah nilai berbanding dengan mata wang serantau, iaitu dengan renminbi China (2.6%), baht Thailand (1.1%) dan peso Filipina (0.4%), tetapi menyusut nilai berbanding dengan rupiah Indonesia (-1.6%), won Korea (-1.1%) dan dolar Singapura (-0.1%).



Ringgit menambah nilai berbanding dengan paun sterling dan euro, tetapi menyusut nilai berbanding dengan yen Jepun




Ringgit mencatat prestasi bercampur-campur berbanding dengan mata wang serantau


Prestasi Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih

RM kepada mata wang asing	Akhir tempoh				Perubahan %	
	Dis 08	Ogos 09	Sept 09	Okt 09	Akhir Dis 08 - Okt 29	Akhir Ogos 09 - Okt 29
Dolar AS	3.4640	3.5260	3.4745	3.4365	0.8	2.6
Euro	4.8759	5.0621	5.0799	5.0582	-3.6	0.1
Paun sterling	4.9989	5.7356	5.5679	5.6259	-11.1	1.9
100 yen Jepun	3.8327	3.7631	3.8698	3.8033	0.8	-1.1
Dolar Singapura	2.4070	2.4441	2.4573	2.4477	-1.7	-0.1
100 baht Thailand	9.9398	10.364	10.361	10.257	-3.1	1.1
100 peso Filipina	7.2774	7.2221	7.3325	7.1961	1.1	0.4
100 rupiah Indonesia	0.0316	0.0349	0.0359	0.0355	-10.8	-1.6
100 won Korea	0.2750	0.2833	0.2946	0.2865	-4.0	-1.1
Renminbi China	0.5076	0.5162	0.5089	0.5032	0.9	2.6

Inflasi harga pengguna bertambah baik

Inflasi, seperti yang diukur oleh Indeks Harga Pengguna (IHP), bertambah baik dan terus berada pada kadar yang rendah sebanyak -2.0% pada bulan September (Ogos: -2.4%). Harga dalam kategori *pengangkutan* merosot pada kadar yang lebih perlahan sebanyak -16.2% pada bulan September (Ogos: -19.3%), mencerminkan kenaikan harga petrol runcit yang diselaraskan pada 1 September 2009 dan luputnya kesan pelarasan harga bahan api runcit pada tahun lepas. Sebaliknya, inflasi dalam kategori *makanan dan minuman tanpa alkohol* terus sederhana (September: 1.0%, Ogos: 1.4%). Semua subkomponen makanan mencatat inflasi yang lebih rendah pada bulan itu. Inflasi yang lebih rendah juga dicatat dalam kategori *minuman alkohol dan tembakau* (September: 0.1%, Ogos: 8.0%) berikutan luputnya kesan cukai rokok yang dikenakan pada bulan September 2008.






Harga pengeluar merosot pada kadar yang lebih perlahan pada bulan Ogos

Indeks Harga Pengeluar (IHPR) merosot pada kadar tahunan yang lebih perlahan sebanyak 10.0% pada bulan Ogos (Julai: -12.8%), disebabkan kesan harga komoditi yang tinggi pada separuh pertama tahun 2008 mulai luput. Keadaan ini dicerminkan oleh kemerosotan harga pada kadar yang lebih perlahan dalam komponen IHPR berasaskan komoditi pada -24.0% pada bulan Ogos (Julai: -30.8%). Dalam komponen IHPR bukan berasaskan komoditi, harga lebih rendah sebanyak 3.1% (Julai: -3.3%). Walau bagaimanapun, pada asas bulanan, harga pengeluar meningkat 1.0% (Julai: -0.6%), mencerminkan kenaikan semula harga komoditi pada bulan Ogos.

Dari segi komposisi, harga bagi komponen IHPR tempatan dan diimport juga merosot pada kadar yang lebih perlahan. Berbanding dengan paras harga pada tahun lepas, harga komponen IHPR tempatan merosot 13.3% (Julai: -16.8%), manakala harga komponen diimport pula merosot 2.9% (Julai: -3.9%).



Kemerosotan harga pada kadar yang lebih perlahan pada bulan Ogos

M3 terus berkembang pada bulan September

Pada bulan September, wang secara luas atau M3 meningkat pada kadar tahunan 6.8%. Pada asas bulanan, M3 meningkat sebanyak RM2.2 bilion disebabkan terutamanya oleh pembiayaan yang lebih tinggi kepada sektor swasta dan Kerajaan melalui sistem perbankan. Walau bagaimanapun, peningkatan wang secara luas ini diimbangi sebahagiannya oleh pengurangan aset asing bersih institusi perbankan.


Penentu-Penentu M3

(RM bilion)

	Perubahan pada tempoh			
	Jun 09	**Jul 09**	**Ogos 09**	**Sep 09**
M3	7.3	10.5	12.1	2.2
Tuntutan bersih ke atas Kerajaan	8.4	-0.1	-0.2	1.0
Tuntutan ke atas sektor swasta	5.6	11.5	4.4	4.8
Pinjaman	*7.6*	*8.1*	*5.7*	*5.6*
Sekuriti	*-2.1*	*3.4*	*-1.3*	*-0.8*
Aset luar bersih *	-10.5	-0.4	11.2	-0.9
Pengaruh lain	3.9	-0.4	-3.3	-2.6

* Sebelum penilaian semula

M3 telah disemak semula untuk mengambil kira "lain-lain deposit" bermula Disember 1999. Sebelum itu ianya tidak termasuk dalam pengiraan M3.



Deposit sistem perbankan terus meningkat pada bulan September

Pada bulan September, jumlah deposit dalam sistem perbankan meningkat sebanyak RM9.7 bilion berbanding dengan bulan sebelumnya (Ogos: +RM10.1 bilion) untuk mencatat kadar pertumbuhan tahunan 8.1% (Ogos: 8.1%). Peningkatan deposit mencerminkan terutamanya penempatan yang lebih tinggi oleh institusi kewangan, sebahagian besarnya dalam bentuk instrumen deposit boleh niaga dan deposit permintaan.

Deposit mengikut Penyimpan

(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Jun 09	**Jul 09**	**Ogos 09**	**Sep 09**
Kerajaan Persekutuan	1,739	81	599	-1,196
Kerajaan Negeri	561	-567	1,194	-341
Badan Berkanun [1]	1,729	28	981	-2,169
Institusi Kewangan	13,575	-6,557	3,454	13,107
Di Antaranya:				
Institusi Perbankan	*8,173*	*-8,862*	*-894*	*8,552*
Institusi Kewangan Bukan Bank	*5,694*	*2,152*	*4,239*	*3,396*
Perusahaan Perniagaan	-2,323	4,437	4,179	-1,050
Individu	2,012	2,246	-1,434	-67
Lain-lain [2]	856	1,191	1,079	1,423
Jumlah	18,151	859	10,052	9,708

1/ Termasuk Kerajaan tempatan

2/ Termasuk lain-lain entiti tempatan dan entiti bukan bank asing

Deposit mengikut Jenis

(RM juta)


	Perubahan pada tempoh			
	Jun 09	**Jul 09**	**Ogos 09**	**Sep 09**
Deposit tetap	-3	-3,124	-162	681
NID	7,849	-10,188	-935	7,029
Deposit permintaan	4,795	-988	1,350	2,650
Deposit tabungan	1,222	752	-578	546
Perjanjian beli balik (Repo)	-26	17	-136	555
Deposit mata wang asing	-4,236	455	7,117	-469
Deposit SPI [1]	5,907	2,095	-785	-214
Lain-lain [2]	2,642	11,840	4,183	-1,070
Jumlah	18,151	859	10,052	9,708

1/ Deposit SPI merujuk kepada deposit sistem perbankan Islam

2/ Lain-lain deposit merangkumi terutamanya deposit jangka pendek


Pembiayaan kasar kepada sektor swasta lebih tinggi pada bulan September

Pembiayaan kasar oleh sistem perbankan dan pasaran modal meningkat kepada RM61.8 bilion pada bulan September (Ogos: RM54.6 bilion) disebabkan terutamanya oleh terbitan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) yang lebih tinggi pada bulan tersebut. Pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan dan PDS terkumpul berkembang pada kadar tahunan 7.2% pada akhir bulan September (Ogos: 7.1%).



[1] Tidak termasuk terbitan pelabur asing

Terbitan PDS lebih tinggi pada bulan September



Kebanyakan penunjuk pinjaman meningkat sedikit dari bulan sebelumnya…

Penunjuk Pinjaman Bank


	RM bilion			Pertumbuhan Tahunan (%)		
	Ogos-09	Sep-09	J-S 09	Ogos-09	Sep-09	J-S 09
Jumlah						
Permohonan pinjaman	43.3	41.5	382.2	-16.8	5.1	2.5
Kelulusan pinjaman	23.0	23.3	209.5	-21.1	1.5	-9.0
Pengeluaran pinjaman	51.7	54.1	468.7	-6.9	-1.9	-2.8
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	6.4	4.8	37.2	7.3	7.2	7.2
Perusahaan perniagaan						
Permohonan pinjaman	18.2	18.2	176.5	-44.3	-8.2	-8.5
Kelulusan pinjaman	8.1	9.7	90.5	-52.0	-11.2	-23.5
Pengeluaran pinjaman	32.8	35.1	312.8	-18.0	-10.4	-8.8
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	1.3	0.6	3.0	0.6	0.5	0.5
PKS[2/]						
Permohonan pinjaman	9.4	8.8	74.8	-1.8	-5.1	-7.0
Kelulusan pinjaman	3.8	4.4	32.6	-10.9	18.0	-23.3
Pengeluaran pinjaman	11.2	11.8	105.0	-21.5	-17.2	-15.0
Perubahan pinjaman terkumpul[1/3/]	-0.3	0.3	-5.4	-5.2	-4.3	-4.3
Isi rumah						
Permohonan pinjaman	25.0	23.2	205.6	30.2	18.5	14.2
Kelulusan pinjaman	14.8	13.6	119.0	21.6	12.9	6.4
Pengeluaran pinjaman	18.9	18.9	155.8	21.9	19.1	11.9
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	4.3	3.9	26.4	9.2	9.1	9.1

[1/] Pertumbuhan tahunan adalah jumlah terkumpul pada akhir tempoh.

[2/] Termasuk pinjaman kepada perniagaan individu

[3/] Penurunan dalam pinjaman terkumpul PKS menunjukkan pengasingan beberapa syarikat PKS yang telah menjadi syarikat besar, memandangkan mereka telah menjangkaui definisi PKS. Tanpa pengasingan tersebut, pinjaman terkumpul PKS akan merosot sedikit sebanyak 1% pada asas tahunan pada akhir Septembe 2009.

…terutamanya untuk sektor perniagaan



Pengeluaran pinjaman terus menyeluruh


Pinjaman yang diluluskan kepada sektor perniagaan meningkat terutamanya kepada sektor *pembinaan, harta tanah, perkilangan* dan *perdagangan borong dan runcit*. Pengeluaran pinjaman, yang dikeluarkan terutamanya untuk

membiayai keperluan modal kerja juga meningkat. Hasilnya, pinjaman perniagaan terkumpul terus berkembang pada asas bulanan dan mencatat kadar pertumbuhan tahunan 0.5% pada akhir bulan September (akhir Ogos: 0.6%).

Permintaan sektor isi rumah terhadap pembiayaan berterusan dengan permohonan pinjaman berjumlah RM23.2 bilion pada bulan September (purata bulanan bagi Januari - Ogos 2008: RM22.8 bilion). Pinjaman yang dipohon adalah terutamanya untuk membiayai pembelian harta kediaman dan kereta penumpang dan juga untuk kad kredit. Dengan pengeluaran pinjaman dalam keadaan stabil, pinjaman terkumpul sektor isi rumah terus berkembang pada kadar tahunan 9.1% pada akhir bulan September (akhir Ogos: 9.1%)


Aktiviti pemerolehan dana dalam pasaran modal meningkat

Pemerolehan dana bersih melalui pasaran modal berjumlah RM3.0 bilion pada bulan September. Dalam pasaran PDS, dana kasar berjumlah RM7.7 bilion sebahagian besarnya diperoleh entiti berkaitan Kerajaan bagi membiayai modal kerja dan aktiviti perniagaan am. Di samping itu, terdapat juga terbitan oleh dua penerbit bukan pemastautin berjumlah RM725 juta. Selepas membuat penyelarasan bagi penebusan, pemerolehan dana bersih melalui pasaran PDS berjumlah RM4.4 bilion. Dalam sektor awam, sejumlah RM4 bilion telah diperoleh melalui Terbitan Pelaburan Kerajaan 3.5 tahun. Namun, sektor awam mencatat penebusan bersih sebanyak RM2.4 bilion disebabkan oleh jumlah penebusan yang lebih besar pada bulan tersebut. Sementara itu, sejumlah RM940 juta telah diperoleh dalam pasaran ekuiti. Sebahagian besar daripada dana tersebut diperoleh melalui terbitan hak oleh syarikat-syarikat dalam sektor perladangan dan teknologi.



KLCI lebih tinggi pada bulan September

FBM KLCI ditutup lebih tinggi pada bulan September pada 1,202.08 mata (akhir Ogos: 1,174.27). Sentimen pasaran yang bertambah baik berikutan keyakinan semula terhadap pemulihan ekonomi global telah mendorong indeks menjadi lebih tinggi. Permodalan pasaran meningkat kepada RM910.5 bilion (sejak akhir Ogos: +2%) manakala urus niaga purata harian menurun kepada 719 juta unit (Ogos: 936 juta unit).




KLCI lebih tinggi pada bulan September

Pada 29 Oktober, FBM KLCI lebih tinggi pada 1,241.8 mata (sejak akhir September: +3.3%). Permodalan pasaran secara keseluruhan meningkat kepada RM933.8 bilion (sejak akhir September: +2.6%) dan urus niaga purata harian meningkat kepada 949.7 juta unit.

Rizab antarabangsa

Rizab antarabangsa bersih Bank Negara Malaysia berjumlah RM334.3 bilion (bersamaan dengan USD95.9 bilion) pada 30 September 2009. Kedudukan rizab pada 30 September 2009 telah mengambil kira penambahan nilai rizab disebabkan pelarasan suku tahunan penilaian semula pertukaran asing berikutan pengukuhan beberapa mata wang utama berbanding dengan ringgit pada suku tersebut. Pada 15 Oktober 2009, rizab antarabangsa berjumlah RM334.2 bilion (bersamaan dengan USD95.9 bilion). Kedudukan rizab ini memadai untuk membiayai 9.5 bulan import tertangguh dan ialah 3.9 kali hutang luar negeri jangka pendek.



Nota: Mulai akhir bulan Mac 2008, hutang luar negeri jangka pendek merujuk kepada takrifan baharu hutang luar negeri, dengan mengambil kira entiti luar pesisir di Labuan IBFC sebagai pemastautin


Permodalan sistem perbankan dan pinjaman tak berbayar terus berdaya tahan

Permodalan sistem perbankan terus kukuh dengan nisbah modal wajaran risiko (risk weighted capital ratio, RWCR) dan nisbah modal teras masing-masing stabil pada 14.5% dan 12.9%. Kualiti portfolio pinjaman terus memuaskan meskipun pinjaman tak berbayar kasar meningkat sedikit. Nisbah pinjaman tak berbayar bersih tidak berubah pada 2.1% manakala nisbah peruntukan hutang ragu dan lapuk terus tinggi pada 89.6%.


Penunjuk Keadaan Sistem Perbankan *

	2002	2003	2004	2005	2006	2007	2008	Jul 09	Ogos 09	Sep 09
Modal (%) **										
Nisbah modal teras	11.1	11.1	11.4	10.7	10.7	10.2	10.6	12.7	13.0	12.9
RWCR	13.2	13.8	14.4	13.7	13.5	13.2	12.6	14.4	14.6	14.5
NPL bersih (klasifikasi 3 bulan)										
% jumlah pinjaman bersih	10.2	8.9	7.5	5.8	4.8	3.2	2.2	2.1	2.1	2.1
Jumlah (RM juta)	43,110	40,013	36,668	31,332	27,360	20,011	15,889	15,057	15,532	15,979
Peruntukan am/Jumlah pinjaman bersih (3 bulan, %)	2.1	2.0	1.9	1.8	1.7	1.7	1.7	1.7	1.7	1.7

* Jadual ini termasuk bank-bank Islam.
** Mulai Januari 2008, pengiraan RWCR dan nisbah modal teras mengambil kira institusi perbankan yang menerima pakai pendekatan standard di bawah Basel II



Permodalan sistem perbankan terus berdaya tahan...



…manakala NPL terus berada pada tahap rendah

Bank Negara Malaysia
30 Oktober 2009

Perangkaan Utama Monetari dan Kewangan

		Julai 09		Ogos 09		Sept 09	
		Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan
		(RM b)	(%)	(RM b)	(%)	(RM b)	(%)
Agregat Monetari							
Wang rizab		52.1	-21.8	54.1	-22.0	55.8	-24.2
M1		185.8	6.0	188.2	7.8	191.4	6.5
M2		933.1	5.9	945.5	8.4	949.8	7.5
M3		960.9	5.3	973.0	7.6	975.2	6.8
Sistem Perbankan							
Jumlah deposit		998.5	6.2	1,008.6	8.1	1,018.3	8.1
Jumlah pinjaman (termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas)		752.5	8.4	758.9	7.3	763.7	7.2
Nisbah pinjaman-deposit (%)		78.5		78.4		78.9	
Nisbah pembiayaan-deposit [1] (%)		85.5		85.2		85.7	
Pinjaman yang dipohon (pada tempoh berkenaan)		51.5	19.5	43.3	-16.8	41.5	5.1
Pinjaman yang diluluskan (pada tempoh berkenaan)		27.2	4.3	23.0	-21.1	23.3	1.5
Pinjaman yang dikeluarkan (pada tempoh berkenaan)		60.9	5.6	51.7	-6.9	54.1	-1.9
Pinjaman yang dibayar balik (pada tempoh berkenaan)		50.9	3.8	45.0	-2.7	49.2	-2.8
Keadaan Sistem Perbankan							
Nisbah Modal Wajaran Risiko (RWCR) (%)		14.4		14.6		14.5	
NPL bersih: Klasifikasi 3 bulan (%)		2.1		2.1		2.1	
Rizab Antarabangsa BNM (akhir tempoh)							
Rizab dalam RM bilion		321.5		329.1		334.3	
Rizab dalam Dolar AS bilion (bersamaan)		91.2		93.3		95.9	
Bilangan bulan import tertangguh		9.1		9.3		9.5	
Kadar Faedah pada akhir tempoh [purata bagi bulan]							
Kadar Dasar Semalaman (OPR)		2.00		2.00		2.00	
Antarabank:	Semalaman	1.99 [2.00]		1.99 [2.00]		1.99 [2.00]	
	Seminggu	2.01 [2.02]		2.00 [2.02]		2.03 [2.03]	
	1 bulan	2.11 [2.07]		2.07 [2.07]		2.07 [2.07]	
Deposit tetap bank perdagangan:	1 bulan	2.02		2.00		2.00	
	3 bulan	2.05		2.03		2.03	
BLR bank perdagangan		5.53		5.51		5.51	
ALR bank perdagangan		4.96		4.90		4.91	
Harga							
Indeks Harga Pengguna (IHP) (2005=100)		111.9	-2.4	112.1	-2.4	112.4	-2.0
Indeks Harga Pengeluar (IHPR) (2000=100)		130.4	-12.8	131.7	-10.0	t.d.	t.d.
Kadar Pertukaran Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih (akhir tempoh)							
Dolar AS		3.5200		3.5260		3.4745	
Euro		4.9729		5.0621		5.0799	
Paun Sterling		5.8150		5.7356		5.5679	
100 Yen Jepun		3.6919		3.7631		3.8698	
Dolar Singapura		2.4432		2.4441		2.4573	
100 Baht Thailand		10.3423		10.364		10.361	
100 Peso Filipina		7.3249		7.2221		7.3325	
100 Rupiah Indonesia		0.0355		0.0349		0.0359	
100 Won Korea		0.2859		0.2833		0.2946	
Pasaran Modal							
Dana bersih (RM b) yang diperoleh sektor:	awam	9.5		9.5		-2.4	
	swasta	1.5		-0.2		5.4	
Indeks Komposit Bursa Malaysia (akhir tempoh)		1,174.9		1,174.3		1,202.1	
Permodalan Pasaran Bursa Malaysia (RM b) (akhir tempoh)		885.8		893.9		910.5	

[1] Merujuk kepada nisbah pinjaman dan pegangan sekuriti hutang swasta (PDS) oleh sistem perbankan atas deposit sistem perbankan.